

**UCAPAN PERASMIAN**  
**MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN PERJANJIAN**  
**BAGI PERKHIDMATAN PENGUJIAN PELEPASAN ASAP**  
**KENDERAAN BERENJIN DIESEL**  
**DI ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR DENGAN**  
**SYARIKAT PUSPAKOM SENDIRIAN BERHAD**

**DEWAN BAIDURI,**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**23 OGOS 2013**

**OLEH**

**YB. DATUK SERI G. PALANIVEL**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR MALAYSIA**

Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis,

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd. Khamil Jamil**  
**Pengarah Urusan**  
**Kumpulan DRB-Hicom Berhad**

**YBhg. Datuk Mohamed Razeek Md Hussain**  
**Ketua Pegawai Operasi**  
**Kumpulan DRB-Hicom Berhad**

**YBhg. Dato' Halimah Binti Hassan**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Alam Sekitar**

**Dr. Zulkifli bin Abdul Rahman**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**  
**Jabatan Alam Sekitar**

**En. Mohammed Shukor Ismail**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**PUSPAKOM**

**Pegawai-Pegawai kanan JAS dan PUSPAKOM,  
Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.**

Selamat pagi dan salam satu Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak pengajur majlis iaitu Jabatan Alam Sekitar Malaysia kerana menjemput saya bagi merasmikan dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian perkhidmatan pengujian asap kenderaan berenjin diesel di antara Jabatan Alam Sekitar dan PUSPAKOM. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah melapangkan masa bagi sama-sama menjayakan majlis pada pagi ini.

**YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai terutamanya pemilik kenderaan serta pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan bahawa bermula dari 1 September 2013, semua kenderaan berenjin diesel yang telah dikeluarkan Kompaun dan Notis Arahan atau Perintah Larangan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 perlu menjalani ujian pelepasan asap kenderaan di 42 buah pusat pengujian asap kenderaan PUSPAKOM di seluruh negara.

**YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Kenapa pemilik kenderaan serta pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan perlu menjalani ujian pelepasan asap kenderaan di PUSPAKOM? Jawapannya adalah kerana masalah pencemaran udara merupakan isu global yang sering dikaitkan dengan pemanasan global (*Global Warming*). Fenomena kesan rumah hijau telah membawa kepada pemanasan global seperti perubahan iklim yang melampau dan sukar dijangka, peningkatan paras air laut, ribut taufan yang luar biasa dan berbagai-bagai bencana alam yang telah mengakibatkan kerugian harta benda, kehilangan nyawa manusia dan kerosakan alam sekitar.

Mengambil kira fenomena perubahan iklim dan bencana alam yang berbagai-bagai, semua lapisan masyarakat perlu mengambil iktibar dan sedar betapa pentingnya usaha pemeliharaan dan

pemuliharaan alam sekitar kepada kita serta bersama-sama memikul tanggungjawab memastikan kelestarian hidup kita dan anak-anak serta keturunan kita yang akan datang.

**YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kemajuan industri otomobil negara kita turut membawa penambahan besar bilangan kenderaan di jalan raya. Asap daripada ekzos kenderaan yang tidak diselenggara dengan sempurna menjadi penyumbang paling besar kepada masalah pencemaran udara terutamanya di kawasan bandar dan di sepanjang lebuhraya yang sering sesak dengan lalulintas.

Pelepasan asap berlebihan dari ekzos kenderaan diesel seperti bas, lori serta kenderaan-kenderaan perdagangan yang lain yang tidak diselenggara dengan baik biasanya berwarna kehitaman akibat pelepasan jelaga-jelaga karbon yang halus. Bagi pelepasan asap yang mengandungi gas-gas pencemar dari kenderaan petrol pula, walaupun tidak dapat dilihat melalui mata kasar ianya adalah amat merbahaya kepada kesihatan manusia.

Melihat kepada kesan buruk asap petrol dan diesel kepada kesihatan manusia, adalah sangat penting bagi setiap pemilik kenderaan dan pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan diesel ataupun petrol memastikan semua kenderaan diselenggara dengan sempurna dan teratur mengikut jadual penyelenggaraan yang telah ditetapkan oleh pengeluar kenderaan. Enjin kenderaan

yang sentiasa beroperasi dengan cekap adalah lebih menjimatkan dari segi kos penyelenggaraan serta mencegah pencemaran daripada berlaku.

**YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin menyeru semua pengusaha kenderaan perdagangan dan pemilik kenderaan individu supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelenggara kenderaan milik masing-masing dengan sebaik mungkin mengikut jadual penyelenggaraan yang telah ditetapkan oleh pengeluar kenderaan masing-masing.

Kita mestilah berganding bahu sebagai rakyat Malaysia untuk bersama-sama menjaga kualiti udara dan kualiti alam sekitar supaya kita sama-sama dapat menikmati hidup yang sihat dan udara yang tidak dicemari dengan asap kenderaan.

Dengan ini saya merasmikan Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Bagi Perkhidmatan Pengujian Pelepasan Asap Kenderaan Berenjin Diesel Di Antara Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.